

MAHATHIR-BIDAS

1985

ALOR SETAR, 1 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS SEGELINTIR RAKYAT TERMASUK PENEROKA YANG TIDAK BERSYUKUR ATAS NIKMAT YANG DITERIMA HASIL DARIPADA PROJEK KERAJAAN.

KATANYA GOLONGAN ITU TERPENGARUH DENGAN HASUTAN SATU GOLONGAN LAIN YANG MENGAJAR MEREKA SUPAYA BERBUAT DEMIKIAN.

PERDANA MENTERI MENYIFATKAN GOLONGAN YANG TIDAK BERTERIMA KASIH ITU SEBAGAI ORANG YANG MENGIGIT TANGAN ORANG YANG MEMBERI BANTUAN KEPADANYA.

KETIKA BERUCAP DI UPACARA MELETAKKAN BATU ASAS MASJID BARU FELDA SUNGAI TIANG, 43 KM DARI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SIFAT BURUK GOLONGAN ITU BERTENTANGAN DENGAN NILAI-NILAI ISLAM.

PERDANA MENTERI KESAL KERANA GOLONGAN YANG TIDAK BERSYUKUR ITU MUDAH DIPENGARUHI OLEH GOLONGAN LAIN YANG HANYA PANDAI BERCAKAP MENGENAI NILAI-NILAI ISLAM TETAPI MENGAJAR YANG SEBALIKNYA.--

KATANYA GOLONGAN ITU SANGGUP MENGGUNAKAN MASJID UNTUK MENGADAKAN SYARAHAN YANG BERTUJUAN MENGHASUT UMAT ISLAM SUPAYA MENGAMALKAN SIFAT-SIFAT YANG BURUK ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA SEPATUTNYA MASJID DIGUNAKAN UNTUK MENYATUKAN UMAT ISLAM DAN BUKANNYA DIJADIKAN GELANGGANG UNTUK MEMBANGKITKAN PERASAAN PERMUSUHAN.

+JIKA MASJID DIGUNAKAN UNTUK PERMUSUHAN SESAMA ISLAM, BERMAKNA ORANG YANG BERBUAT DEMIKIAN TELAH MENGKHIANATI AJARAN ISLAM,+ KATANYA.

KATANYA ISLAM TIDAK MENGAJAR UMATNYA SUPAYA BERPECAH BELAH, SEMBAHYANG BERASINGAN DAN BERPUAK-PUAK LEBIH-LEBIH LAGI DI DALAM SEBUAH KARIAH ATAU MASJID.

+MALANGNYA ADA PIHAK TERTENTU YANG BERBUAT DEMIKIAN SEHINGGA BERLAKU PERKARA-PERKARA YANG BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM,+ KATANYA.